



***PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR  
ASING DI SEBUAH IPTA***

**SITI NUUR ROIHAN BINTI SAIDIN**

**FBMK 2015 107**



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI

**PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR  
ASING DI SEBUAH IPTA**

Oleh

**SITI NUUR ROIHAN BINTI SAIDIN**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia Sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

Mac 2015

7288570001

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



t  
FBMK  
2015  
107

## DEDIKASI

*Buat ayahanda yang dikasihi Encik Saidin bin Khalid  
Buat bonda yang disayangi Puan Mariam binti Abdun  
Jutaan terima kasih atas doa yang selalu dititipkan  
Terima kasih juga kerana merestui perjuanganku  
Tidak terbalas jasa dan pengorbanan yang telah dicurahkan*

*Kepada adinda-adinda yang selalu diingati  
Muhammad Fahmi dan Muhammad Fahim  
Tuntutlah kalian ilmu tanpa rasa jemu  
Hanya ilmulah yang dapat mengubah nasib diri  
Semoga kejayaan kekanda dapat menjadi inspirasi*

*Buat rakan-rakan seperjuangan yang tersayang  
Terima kasih atas ilmu yang dikongsi bersama  
Selaut kemaafan andai ada kekhilafan yang terlukis  
Doaku sentiasa mengiringi tali ukhuwah kita  
Semoga kalian turut berjaya dalam perjuangan ini*

*-Semoga Allah Redha-*

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia Sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

**PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU DALAM KALANGAN PELAJAR ASING DI SEBUAH IPTA**

Oleh

**SITI NUUR ROIHAN BINTI SAIDIN**

**Mac 2015**

**Pengerusi: Profesor Madya Vijayaletchumy a/p Subramaniam, Ph.D**  
**Fakulti: Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini membincangkan pertuturan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan persepsi pelajar asing terhadap pertuturan dalam bahasa Melayu dan faktor yang menyebabkan mereka kurang bertutur dalam bahasa Melayu. Objektif kajian ini juga untuk menghasilkan buku panduan pertuturan mini dalam bahasa Melayu. Kajian ini mengaplikasikan teori yang dipelopori oleh Stephen Krashen (1985), iaitu Teori Monitor. Seramai 108 orang pelajar asing telah dipilih secara rawak sebagai responden kajian ini. Mereka merupakan pelajar asing yang mengambil subjek Bahasa Melayu Asas I (BBM1401) di Universiti Putra Malaysia (UPM). Kaedah dalam kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah tinjauan lapangan. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dalam penganalisan data. Data bagi objektif pertama dan kedua diperolehi daripada borang soal selidik yang dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science* (SPSS) versi 21. Seterusnya, data bagi memenuhi objektif ketiga pula diperolehi daripada hasil soal selidik dalam objektif yang pertama dan kedua. Dapatan kajian mendapati persepsi pelajar asing terhadap pertuturan dalam bahasa Melayu adalah positif. Namun begitu, pelajar asing didapati kurang bertutur dengan warga kampus di UPM. Selain itu, mereka juga kurang bertutur dalam bahasa Melayu di UPM. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiga faktor utama pelajar asing kurang bertutur dalam bahasa Melayu ialah semua orang bertutur dalam bahasa Inggeris (68.5%), masih baru belajar bahasa Melayu (49.1%), dan kosa kata dalam bahasa Melayu adalah sedikit (26.9%). Seterusnya, keseluruhan dapatan kajian dimanfaatkan untuk menghasilkan buku panduan pertuturan mini dalam bahasa Melayu khusus untuk pelajar asing yang sedang mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

## **THE LEARNING OF MALAY LANGUAGE AMONG FOREIGN STUDENTS IN IPTA**

By

**SITI NUUR ROIHAN BINTI SAIDIN**

**March 2015**

**Chair: Associate Professor Vijayaletchumy a/p Subramaniam, Ph.D**  
**Faculty: Modern Languages and Communication**

This study discusses the Malay language spoken among foreign students. The objective of this study was to describe the perception of foreign students to the speech in Malay and the factors that cause them less speak Malay language. The objective of this study was to produce a handbook mini speech in Malay language for foreign students. This study applied the theory expounded by Stephen Krashen (1985), Theory Monitor. A total of 108 foreign students were randomly selected as respondents. They were foreign students who take the subject of Malay Fundamentals I (BBM1401) at Universiti Putra Malaysia (UPM). The method in this study using the literature and field survey methods. This study used a quantitative approach in analyzing the data. Data for the first and second objectives derived from the questionnaires were analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS) version 21. Further, to meet the third objective data are obtained from the results of the questionnaire in the first and second objectives. The results showed that the perception of foreign students to speak in Malay, is positive. However, foreign students are not speaking with the UPM campus. Moreover, they are also less speak Malay at UPM. The study also showed that the three main factors of foreign students about speaking in Malay is everyone spoke English (68.5%), still new to learn Malay (49.1%), and vocabulary in the Malay language is slightly higher (26.9%). Further, the findings used to produce mini-booklet speech in Malay especially for foreign students who are studying the Malay language as a foreign language.

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya penyelidik dapat menyiapkan projek ilmiah ini dengan jayanya. Setinggi-tinggi penghargaan dan sekalung kasih diucapkan kepada Profesor Madya Dr. Vijayaletchumy a/p Subramanian, selaku penyelia yang sedia memberi tunjuk ajar dan melapangkan masa untuk membaca, memeriksa dan membuat penilaian atas penulisan yang dihasilkan ini. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada Dr. Omrah bin Hassan@ Hussin selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan yang turut memeriksa dan berkongsi ilmu. Segala tunjuk ajar, nasihat dan teguran begitu berharga dan bermakna kepada penyelidik dalam membantu menyiapkan penulisan tesis ini dari awal hingga akhir.

Penyelidik juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada guru bahasa Melayu iaitu Puan Siti Amhar binti Abu dan Encik Nazmi bin Ahmad yang memberi keizinan kepada penyelidik untuk mengedarkan borang soal selidik kepada pelajar-pelajar mereka. Tidak lupa juga kepada semua responden kajian yang sudi memberikan kerjasama baik ketika kajian rintis mahu pun kajian sebenar. Tanpa anda semua, penulisan tesis ini pastinya tidak akan berjalan dengan lancar. Semoga anda semua akan terus menuturkan bahasa Melayu dan berjaya dalam pengajian masing-masing.

Seterusnya, penyelidik berharap agar hasil penulisan tesis ini dapat dijadikan panduan kepada bakal pengkaji yang lain. Semoga kita semua akan terus memartabatkan bahasa kebangsaan kita dengan penuh kecintaan dan rasa bangga. Bahasa jiwa bangsa.

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iii
<b>PENGESAHAN</b>	iv
<b>PERAKUAN</b>	vi
<b>SENARAI JADUAL</b>	x
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xii
<b>BAB</b>	
<b>I. PENDAHULUAN</b>	1
Latar Belakang Kajian	1
Pernyataan Masalah	3
Persoalan Kajian	5
Objektif Kajian	5
Kepentingan Kajian	5
Batasan Kajian	6
Definisi Operasional	7
Pertuturan	7
Bahasa Melayu	7
Pelajar Asing	7
<b>II. SOROTAN KAJIAN</b>	8
Kajian Tentang Pembelajaran Bahasa Melayu sebagai Bahasa Asing	8
Kajian Tentang Persepsi Pelajar Terhadap Bahasa Asing	10
Kajian Tentang Pertuturan	12
Kajian Tentang Bahan Rujukan Bahasa Melayu untuk Pelajar Asing	13
Perkaitan Antara Sorotan Kajian dengan Kajian Penyelidik	14
<b>III. METODOLOGI</b>	16
Reka Bentuk Kajian	16
Kerangka Teori	16
Teori Monitor oleh Stephen Krashen (1985)	16
Kerangka Konseptual	19
Kaedah Kajian	20
Kaedah Kepustakaan	20
Kaedah Tinjauan Lapangan	20
Tempat Kajian	20
Populasi dan Pensampelan	20
Alat Kajian	21
Kesahan dan Kebolehpercayaan Alat Kajian	21
Tatacara Kajian	26
Kajian Rintis	26



Kajian Sebenar	27
Penganalisan Data	27
<b>IV. KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN</b>	29
Demografi Responden	29
Persepsi pelajar asing terhadap pertuturan dalam bahasa Melayu dan faktor yang menyebabkan mereka kurang bertutur dalam bahasa Melayu.	35
Menghasilkan buku panduan pertuturan mini dalam bahasa Melayu untuk pelajar asing.	47
Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	65
Implikasi Dapatan Kajian	65
<b>V. RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	66
Rumusan	66
Cadangan	66
Cadangan Kajian Selanjutnya	68
<b>RUJUKAN</b>	69
<b>LAMPIRAN</b>	74
Surat Kebenaran Menjalankan Kajian	74
Borang Soal Selidik	76
Contoh Borang Soal Selidik yang Telah Diisi	83
<b>BIODATA PELAJAR</b>	90
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	91

## SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
3.1	Jadual Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	22
3.2	Statistik Kebolehpercayaan Bahagian B	22
3.3	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Bahagian B	23
3.4	Statistik Kebolehpercayaan Bahagian C	24
3.5	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Bahagian C	24
3.6	Statistik Kebolehpercayaan Bahagian D	25
3.7	Analisis Kebolehpercayaan Instrumen Bahagian D	25
3.8	Senarai Pandangan Responden bagi Kebolehpercayaan Instrumen Bahagian E	25
4.1	Kewarganegaraan Responden	31
4.2	Fakulti Responden	32
4.3	Bahasa Ibunda Responden	34
4.4	Persepsi Pelajar Asing Terhadap Pertuturan dalam Bahasa Melayu	36
4.5	Individu yang Terlibat Semasa Bertutur	40
4.6	Tempat Bertutur	41
4.7	Faktor yang Menyebabkan Pelajar Asing Kurang Bertutur dalam Bahasa Melayu di UPM.	43
4.8	Faktor Lain yang Menyebabkan Pelajar Asing Kurang Bertutur dalam Bahasa Melayu di UPM.	44

## SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
3.1	Proses <i>Filter</i> , <i>Organizer</i> dan <i>Monitor</i>	18
3.2	Kerangka Konseptual	19
4.1	Jantina Responden	30
4.2	Umur Responden	30
4.3	Program Pengajian Responden	33
4.4	Bahasa Melayu bagi Responden	35
4.5	Perbandingan Persepsi Pelajar Asing Terhadap Pertuturan dalam Bahasa Melayu Mengikut Kekerapan.	38
4.6	Tiga Faktor Utama Pelajar Asing di UPM Kurang Bertutur dalam Bahasa Melayu	44
4.7	Tatacara Penghasilan Buku Panduan Pertuturan Mini	50
4.8	Kulit Buku Panduan Pertuturan Mini untuk Pelajar Asing	51
4.9	Jadual Isi Kandungan	52
4.10	Kata Sapaan	52
4.11	Pertuturan dengan Guru Bahasa dan Pensyarah	53
4.12	Pertuturan dengan Penyelia	53
4.13	Pertuturan dengan Rakan Sekelas BBM 1401	54
4.14	Pertuturan dengan Pelajar Melayu dan Pelajar Bukan Melayu	54
4.15	Pertuturan dengan Pelajar Asing (Selain Rakan Sekelas BBM1401)	55
4.16	Pertuturan dengan Pemandu Bas UPM	55
4.17	Pertuturan dengan Pekerja Kantin/Kafe UPM	56
4.18	Pertuturan dengan Staf UPM	56
4.19	Kosa Kata dan Pertuturan Rasmi di Perpustakaan	57
4.20	Pertuturan Tidak Rasmi di Perpustakaan	57
4.21	Kosa Kata dan Pertuturan Rasmi di Kafe/Kantin	58
4.22	Pertuturan Tidak Rasmi di Kafe/Kantin	58
4.23	Kosa Kata dan Pertuturan Rasmi di Fakulti	59
4.24	Pertuturan Tidak Rasmi di Fakulti	59
4.25	Kosa Kata dan Pertuturan Rasmi di Perhentian Bas	60
4.26	Pertuturan Tidak Rasmi di Perhentian Bas	60
4.27	Kosa Kata dan Pertuturan Rasmi di SGS/Pusat Pentadbiran	61
4.28	Pertuturan Tidak Rasmi di SGS/Pusat Pentadbiran	61
4.29	Kosa Kata dan Pertuturan Rasmi di Kolej/South City	62
4.30	Pertuturan Tidak Rasmi di Kolej/South City	62
4.31	Kosa Kata dan Pertuturan Rasmi di Bank CIMB	63
4.32	Pertuturan Tidak Rasmi di Bank CIMB	63
4.33	Kulit Buku Panduan Pertuturan Mini untuk Pelajar Asing	64

## SENARAI SINGKATAN

B2	-	bahasa kedua
BBM1401	-	Bahasa Melayu Asas I
BBM1402	-	Bahasa Melayu Asas II
BBM1403	-	Bahasa Melayu Asas III
PhD	-	Doktor Falsafah
FBMK	-	Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
IPTA	-	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	-	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
INTEC	-	<i>International Education Centre</i>
ISFS	-	<i>Islamic Santitham Foundation School</i>
PABM	-	Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu
PPISMP	-	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PSAS	-	Perpustakaan Sultan Abdul Samad
R	-	responden
SGS	-	<i>School of Graduate Studies</i>
SPSS	-	<i>Statistical Package For Social Science</i>
UiTM	-	Universiti Teknologi MARA
UKM	-	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPM	-	Universiti Putra Malaysia

# BAB I

## PENDAHULUAN

### Latar Belakang Kajian

Malaysia merupakan sebuah negara di Asia Tenggara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum seperti Melayu, Cina, India, Iban, dan Kadazan. Kaum-kaum ini berbeza agama dan budaya termasuklah bahasa. Rentetan daripada itu, kerajaan telah memilih satu bahasa yang dapat diterima guna oleh semua kaum untuk pelbagai urusan rasmi dan tidak rasmi sekali gus untuk mengeratkan hubungan sosial. Bahasa yang dipilih ialah bahasa Melayu, iaitu bahasa yang digunakan oleh kaum Melayu yang merupakan kaum majoriti di Malaysia. Namun begitu, bahasa lain tidak dihalang penggunaannya. Bahasa Melayu kemudiannya diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan termaktub dalam Artikel 152 Perlembagaan Malaysia.

Sejarah pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu membuktikan bahawa bahasa Melayu pernah diangkat sebagai bahasa *lingua franca* di Asia Tenggara, khususnya pada zaman kemasyhuran Kesultanan Melayu Melaka (Ridzuan Kamis, 2012). Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa untuk berkomunikasi antara pedagang dari China, Arab, Eropah, dan lain-lain. Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Abdul Razak menyatakan bahawa bahasa Melayu kini diangkat sebagai bahasa kelima terbesar di dunia, dengan bilangan penutur yang lebih daripada 300 juta orang (BERNAMA, 2014). Hal ini menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Melayu adalah sangat penting sebagai salah satu bahasa untuk berkomunikasi di rantau ini. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu bukan sahaja digunakan sebagai bahasa pertuturan seharian, malah turut digunakan dalam bidang pekerjaan dan pendidikan.

Menurut Abdullah Hassan (1997:1), bahasa kebangsaan ialah bahasa rasmi yang digunakan untuk menyampaikan pendidikan dan mentadbir negara. Sehubungan itu, bahasa Melayu telah dijadikan bahasa untuk menyampaikan ilmu dalam sistem pendidikan di Malaysia. Bahasa Melayu juga dijadikan sebagai bahasa pengantar di sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Sidek Baba (2011) menyatakan bahawa IPT utama di Malaysia telah sekian lama menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam semua disiplin ilmu. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tampil sebagai universiti pertama yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pengajaran dan pembelajaran (Azmy Mohamed, t.t). Menurut Mohd Ayob Abd Razid (2010), keunggulan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dibuktikan oleh UKM apabila berjaya dalam usahanya melahirkan ramai siswazah dalam bidang perubatan dan pelbagai bidang lain.

Selain menjadi bahasa pengantar, bahasa Melayu juga turut menjadi mata pelajaran kursus wajib untuk pelajar asing yang melanjutkan pelajaran di Malaysia. Mereka akan mempelajari bahasa Melayu sebagai bahasa asing sama ada di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Mantan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata bahawa pelajar asing di kedua-dua institusi ini, iaitu institusi pengajian tinggi awam dan swasta kini perlu lulus kursus



Bahasa Melayu Komunikasi (SGBSELANGOR\_NAHAR, 2012). Universiti Putra Malaysia (UPM) turut menawarkan kursus bahasa Melayu kepada pelajar asing yang melanjutkan pelajaran di UPM sama ada pada peringkat Bachelo, Master atau Doktor Falsafah (Ph.D). Mereka ini datang dari pelbagai negara seperti China, Korea, Iran, Nigeria, dan Pakistan. Mereka wajib mengambil subjek Bahasa Melayu Asas I (BBM1401) sebagai syarat untuk bergraduatu.

Namun begitu, pelajar asing yang datang dari negara Singapura, Indonesia dan Brunei tidak diwajibkan mengambil subjek ini kerana mereka berasal dari negara rumpun Melayu. Selain itu, mereka turut diberi pilihan untuk mengambil subjek Bahasa Melayu Asas II (BBM1402) dan Bahasa Melayu Asas III (BBM1403) sebagai subjek tambahan jika mahu memantapkan penguasaan bahasa Melayu mereka. Kemasukan pelajar asing ke negara ini dilihat sebagai serampang dua mata dalam usaha memperkenalkan Malaysia di mata dunia sebagai sebuah pusat pendidikan sekali gus memartabatkan bahasa Melayu. Menurut Mohamed Khaled Nordin (2010), kehadiran pelajar asing di IPTA dan IPTS dalam negara merupakan satu peluang kepada kita dalam membantu usaha mengembangkan bahasa Melayu. Kementerian Dalam Negeri pula akan sentiasa bekerjasama secara erat dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kecemerlangan pendidikan serantau dengan sasaran seramai 100,000 pelajar asing akan belajar di negara ini menjelang 2010 (Kementerian Dalam Negeri, 2013).

Di samping itu, pihak Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan turut memainkan peranan dalam usaha mengangkat martabat bahasa Melayu dan menanam minat pelajar asing terhadap keindahan bahasa itu melalui pertandingan pidato bahasa Melayu dan pertandingan nyanyian lagu Melayu pada peringkat antarabangsa yang membabitkan pelajar asing di negara ini dan juga mereka yang mengikuti pengajian bahasa Melayu di luar negara (Muhd Irfan, 2012). Mantan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menyatakan bahawa sejak penganjuran kali pertama pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) untuk pelajar IPT luar negara pada tahun 2007, jumlah penyertaan kian meningkat setiap tahun dan pada tahun 2012 seramai 304 penuntut dari IPT luar negara telah mengambil bahagian (Hashnan Abdullah dan Nazmil Nasiruddin, 2012). Keadaan ini menunjukkan bahawa semakin lama, semakin ramai pelajar asing yang berminat untuk mempamerkan kebolehan mereka bertutur dalam bahasa Melayu. Namun, penyertaan peserta PABM ini terdiri daripada pelajar asing yang menuntut di universiti luar negara. Sehubungan itu, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin merasakan bahawa pertandingan yang sama perlu diadakan bagi pelajar antarabangsa yang sedang belajar di negara ini. Beliau turut menambah bahawa beliau yakin penganjuran pertandingan pidato peringkat penuntut antarabangsa dalam negara akan mendapat sambutan kerana pertandingan sedemikian akan memberikan ruang kepada pelajar terbabit untuk mengukur keupayaan mereka bertutur dalam bahasa Melayu (Hashnan Abdullah dan Nazmil Nasiruddin, 2012).

Namun begitu, hasrat Mantan Menteri Pengajian Tinggi ini tidak akan tercapai jika pelajar asing di dalam negara kurang bertutur dalam bahasa Melayu. Sebagai contohnya, hal ini dapat dilihat dengan jelas di UPM apabila pelajar asing didapati kurang bertutur dalam bahasa Melayu semasa berkomunikasi. Mereka lebih selesa bertutur dalam bahasa Inggeris atau bahasa ibunda mereka. Apatah lagi untuk menyertai

pertandingan pidato yang pastinya memerlukan para peserta bertutur dalam bahasa Melayu dengan baik. Justeru itu, tidak mungkin sebuah warga UPM yang akrab dapat dibentuk jika masing-masing tidak mahu menggunakan bahasa Melayu semasa bertutur. Ini berlandaskan hakikat yang dinyatakan oleh Puteri Roslina Abdul Wahid et al. (2008), iaitu penggunaan bahasa Melayu sebagai alat komunikasi yang utama dapat memperkasakan masyarakat yang pelbagai bangsa melalui satu bahasa.

Sehubungan itu, pelajar asing sepatutnya mengaplikasikan pengetahuan bahasa Melayu yang dipelajari walaupun sekadar bertutur dalam ayat yang mudah dan pendek jika mahu menjalinkan hubungan yang akrab dengan warga UPM. Sekurang-kurangnya mereka cuba untuk bertutur dalam bahasa Melayu walaupun penggunaannya adalah salah atau kurang tepat. Menurut Abdullah Hassan (1996:196), dalam analisis proses pertuturan, ada lima komponen yang dapat dipertimbangkan untuk menguji kemahiran yang kompleks ini. Komponen tersebut adalah seperti yang berikut:

- (a) Penyebutan (termasuk ciri segmental dan bukan segmental: vokal, konsonan, pola tekanan dan intonasi);
- (b) Tatabahasa;
- (c) Kosa kata;
- (d) Kelancaran (keselesaian dan kelajuan perjalanan pertuturan); dan
- (e) Kefahaman (penting kerana untuk berhubung secara lisan dan memberi tindak balas untuk sesuatu atau memulakan pertuturan).

Namun, bagi pelajar asing yang hanya mempelajari bahasa Melayu pada peringkat asasnya, sudah memadai jika mereka dapat menuturkan ayat yang mudah asalkan dapat difahami oleh pendengar. Oleh sebab mereka kurang bertutur dalam bahasa Melayu, maka persepsi mereka terhadap pertuturan bahasa Melayu perlulah dijelaskan dan seterusnya faktor yang menyebabkan mereka kurang bertutur dalam bahasa Melayu perlu diuraikan untuk memastikan bahasa Melayu terus dimartabatkan dalam kalangan pelajar asing.

### **Pernyataan Masalah**

Banyak kajian telah dijalankan tentang bahasa, sama ada bahasa kedua mahu pun bahasa asing. Kajian tentang persepsi juga sering dijalankan oleh para pengkaji di negara kita. Kajian tersebut seperti kajian oleh Zaiton Md. Isa et al. (2006) terbatas kepada persepsi pelajar tempatan terhadap bahasa Jepun dan Korea. Kajian oleh Natsue Hieda dan Maserah Shabudin (2012) pula berfokus pada persepsi pelajar UKM terhadap bahasa Jepun. Semua kajian ini berfokus pada persepsi pelajar tempatan terhadap bahasa asing selain bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa kajian tentang persepsi pelajar asing terhadap bahasa Melayu kurang dijalankan. Kajian yang dijalankan oleh Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2007) pula, hanya sedikit menyentuh tentang persepsi. Namun begitu, kajian Nor Hashimah Jalaluddin ini tidak tertumpu pada pertuturan dalam bahasa Melayu. Permasalahan ini bertepatan dengan persoalan kajian penyelidik yang pertama. Oleh itu, kajian ini telah memberikan lompang kepada penyelidik untuk mengenal pasti persepsi pelajar asing terhadap pertuturan dalam bahasa Melayu dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu.

Terdapat pelbagai bahasa yang boleh digunakan untuk berkomunikasi. Bahasa yang dipilih untuk digunakan bergantung kepada penutur itu sendiri sama ada mahu menggunakan bahasa ibunda, bahasa kedua mahupun bahasa asing. Pemilihan ini bergantung pada bahasa yang difahami atau digunakan oleh pendengar. Siti Hamin Stapa et al. (2013:185) menyatakan bahawa isu penggunaan bahasa menunjukkan bahasa pilihan rakyat Jepun untuk berinteraksi di Malaysia lebih berpihak kepada bahasa Inggeris berbanding bahasa rasmi negara ini, iaitu bahasa Melayu. Hal ini turut berlaku di UPM. Hasil daripada pemerhatian, penyelidik mendapati bahawa kebanyakan pelajar asing lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris ketika berkomunikasi selain bahasa ibunda mereka. Walaupun mereka sudah mengambil subjek wajib, iaitu BBM1401 sebagai bahasa asing di UPM, tetapi sukar untuk mendengar mereka bertutur dalam bahasa Melayu semasa berkomunikasi. Keadaan ini boleh menyebabkan tahap penguasaan pertuturan mereka dalam bahasa Melayu semakin lemah kerana tidak mengaplikasikannya di luar kelas. Tambahan pula, walaupun seseorang pelajar mendapat markah penuh dalam ujian penulisan, tetapi penguasaan dalam pertuturan pelajar asing tersebut mungkin tidak sebaik dalam penulisannya. Selain itu, terdapat juga beberapa orang pelajar asing yang mengambil BBM1402 dan BBM1403 sebagai subjek tambahan untuk lebih menguasai bahasa Melayu. Namun begitu, mereka juga masih tidak menggunakan bahasa Melayu dengan sepenuhnya. Mereka masih tetap mencampurkan perkataan bahasa Inggeris ketika berkomunikasi dalam bahasa Melayu. Sehubungan itu, faktor yang menyebabkan pelajar asing kurang bertutur dalam bahasa Melayu perlulah diketahui dan dijelaskan agar guru bahasa dan warga UPM akan menjadi lebih peka dalam usaha menggalakkan pelajar asing untuk bertutur dalam bahasa Melayu dengan lebih banyak. Oleh itu, permasalahan ini telah membuka ruang kepada penyelidik untuk mengenal pasti faktor yang menyebabkan pelajar asing kurang bertutur dalam bahasa Melayu.

Permasalahan kajian yang ketiga ialah kekurangan bahan rujukan dalam pasaran yang sesuai dan lengkap turut menjadi kekangan kepada pelajar asing untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Menurut Awang Sariyan (2002), bahasa Melayu telah digunakan sepenuhnya dari peringkat sekolah rendah sehingga peringkat pengajian tinggi tetapi masalah yang besar ialah kurangnya bahan-bahan rujukan ilmiah dalam bahasa Melayu. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa terdapat juga kewujudan kamus kecil untuk penutur asing di pasaran namun lazimnya mengandungi pertuturan yang umum. Selain itu, terdapat juga beberapa kajian yang telah berjaya mereka bentuk perisian dan modul dalam bidang bahasa Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam kajian Yong Chyn Chye (2012) yang telah menghasilkan perisian khusus untuk pembelajaran bahasa Melayu sebagai bahasa asing manakala Fa'zah Abd.Manan et al. (2010) pula membina Modul Belajar-Cara-Belajar Bahasa Melayu (Modul BCB BAHASA MELAYU PA) di IPT Malaysia. Walau bagaimanapun, perisian memerlukan suatu alat sokongan lain seperti komputer dan mengambil sedikit masa sebelum digunakan. Modul pula biasanya bersaiz besar dan tebal yang menyukarkan pengguna untuk menggunakannya sebagai bahan rujukan kerana lazimnya sukar dibawa bersama sepanjang masa. Hal ini sama juga dengan buku panduan untuk penutur asing seperti buku yang dihasilkan oleh Norizah Ardi dan Hasbi Yusoff (2005) dan Nor Hashimah Jalaluddin e tal. (2007). Tambahan pula, semua bahan rujukan ini mengandungi contoh situasi dan perbualan yang umum. Justeru, kekurangan ini memberikan rangsangan kepada penyelidik untuk menghasilkan buku panduan pertuturan mini dalam bahasa Melayu untuk pelajar asing. Buku ini akan dicetak dengan saiz kecil dan ringan untuk memudahkan pelajar asing menggunakannya sebagai bahan rujukan kerana boleh dimuatkan di dalam poket atau

beg dan boleh dibawa bersama sepanjang masa. Mereka boleh merujuk buku ini pada bila-bila masa sekiranya mereka tidak tahu atau tidak memahami sesuatu perkataan atau ayat yang sesuai dalam sesuatu situasi. Tambahan pula, buku ini hanya berfokus pada situasi dan perbualan di dalam kampus sahaja, iaitu di UPM. Hal ini bertujuan untuk mengukuhkan kosa kata dan menggalakkan pelajar asing berkomunikasi di dalam kampus. Buku ini secara tidak langsung dapat meningkatkan keyakinan mereka untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Sehubungan itu, permasalahan ini memberikan lompang kepada penyelidik untuk menghasilkan buku panduan pertuturan mini dalam bahasa Melayu untuk pelajar asing dan sekali gus menjawab persoalan kajian penyelidik yang kedua.

### **Persoalan Kajian**

Terdapat dua persoalan kajian yang dibincangkan. Persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah persepsi pelajar asing terhadap pertuturan dalam bahasa Melayu dan faktor yang menyebabkan mereka kurang bertutur dalam bahasa Melayu?
- ii. Bagaimanakah bentuk buku panduan pertuturan mini dalam bahasa Melayu untuk pelajar asing?

### **Objektif Kajian**

Kajian ini adalah bertujuan untuk mencapai objektif yang berikut:

- i. Untuk menjelaskan persepsi pelajar asing terhadap pertuturan dalam bahasa Melayu dan faktor yang menyebabkan mereka kurang bertutur dalam bahasa Melayu.
- ii. Untuk menghasilkan buku panduan pertuturan mini dalam bahasa Melayu untuk pelajar asing.

### **Kepentingan Kajian**

Pertama, hasil kajian ini penting bagi guru bahasa untuk mengetahui persepsi pelajar asing terhadap bahasa Melayu. Ini penting kerana setiap individu mempunyai pandangan yang berbeza. Persepsi yang ditunjukkan dapat membantu guru bahasa membaiki teknik pengajaran jika pelajar asing memberikan persepsi yang negatif. Melalui persepsi juga, guru bahasa dapat mengajar bahasa Melayu mengikut tahap penerimaan pembelajaran pelajar agar proses itu dapat berlangsung dengan sempurna.

Bagi kepentingan kedua pula, guru bahasa dapat mengetahui faktor utama yang menyebabkan pelajar asing kurang bertutur dalam bahasa Melayu. Sehubungan itu, guru bahasa dapat mencari jalan alternatif untuk mengatasinya. Guru bahasa hendaklah bijak mempengaruhi pelajar asing semasa proses pengajaran dan pembelajaran sehingga mereka berminat, berkeyakinan dan mahu bertutur dalam bahasa Melayu. Hal

ini demikian kerana guru bahasa merupakan individu yang paling dekat dengan pelajar asing. Selain itu, warga UPM juga hendaklah turut sama dalam usaha ini dengan bertutur dalam bahasa Melayu jika berkomunikasi dengan pelajar asing. Warga UPM sendiri perlu mengurangkan penggunaan bahasa Inggeris ketika berkomunikasi dengan pelajar asing jika mahukan pelajar asing menggunakan bahasa Melayu. Jika faktor tersebut dapat diatasi, maka hasrat KPT untuk memartabatkan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar asing di negara ini adalah cerah. Selain guru bahasa, pihak KPT juga dapat menangani faktor tersebut dengan menjalankan kempen bertutur dalam bahasa Melayu. Hal ini sama seperti minggu bahasa Melayu di sekolah yang memperlihatkan setiap pelajar hanya bertutur dalam bahasa Melayu sepanjang minggu.

Kajian ini juga penting untuk pelajar asing dalam usaha menggalakkan mereka untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Penghasilan buku panduan pertuturan mini dapat menarik minat pelajar asing untuk bertutur dalam bahasa Melayu. Buku panduan pertuturan mini yang mudah dibawa ke mana-mana turut membolehkan pelajar asing membaca sambil mempraktikkan contoh pertuturan yang terdapat dalam buku itu. Secara tidak langsung, proses pemerolehan kosa kata bahasa Melayu pelajar asing juga akan meningkat apabila mereka berkomunikasi dengan warga UPM. Selain itu, mereka juga dapat berlatih untuk bertutur dengan menggunakan nahu sehingga mereka mampu menuturkan bahasa yang persis sebagaimana penutur bahasa Melayu yang asli. Lama-kelamaan, pertuturan mereka akan bertambah baik dan secara tidak langsung bahasa Melayu dapat dimartabatkan. Selain pelajar asing, KPT juga boleh menggunakan buku ini untuk mempromosikan bahasa Melayu kepada pelajar asing agar mereka berminat untuk mempelajarinya. Hal ini demikian kerana belajar menguasai bahasa Melayu yang bermula pada peringkat universiti dapat menarik minat mereka untuk terus bertutur dalam bahasa Melayu walaupun mereka telah menamatkan pengajian.

### **Batasan Kajian**

Batasan kajian dalam sesebuah kajian turut diperlukan untuk memastikan kajian tersebut menepati objektif kajian yang dijalankan. Dalam bahagian ini, terdapat dua batasan kajian iaitu seperti berikut:

Objektif pertama kajian ini terbatas kepada persepsi pelajar asing terhadap pertuturan dalam bahasa Melayu. Objektif ini hanya menjelaskan persepsi pelajar asing terhadap bahasa Melayu itu sendiri. Selain itu, objektif ini juga melihat sama ada individu yang terlibat dalam aktiviti pertuturan dan tempat pertuturan berlangsung akan mempengaruhi persepsi pelajar asing terhadap pertuturan dalam bahasa Melayu atau sebaliknya. Seterusnya, objektif ini terbatas kepada faktor yang menyebabkan pelajar asing kurang bertutur dalam bahasa Melayu. Faktor ini terbatas pada maklumat yang diperoleh semasa penyelidik menjalankan temu bual secara tidak langsung dengan pelajar asing.

Objektif kedua pula terbatas kepada penghasilan buku panduan pertuturan mini dalam bahasa Melayu untuk pelajar asing. Buku panduan pertuturan mini ini memuatkan beberapa contoh pertuturan yang boleh digunakan oleh pelajar asing sebagai permulaan



sebelum fasih bertutur. Pertuturan tersebut merupakan situasi sebenar yang biasa terjadi di UPM. Buku ini memuatkan contoh pertuturan dengan sepuluh orang individu yang berada di UPM dan tujuh tempat utama di UPM yang sering dikunjungi oleh pelajar asing. Selain itu, buku ini juga mengandungi kata sapaan yang umum dan kosa kata yang berkaitan mengikut tempat pertuturan untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu pelajar asing.

## **Definisi Operasional**

### **Pertuturan**

Menurut Khairiah Ahmad (1989), pertuturan merangkumi aspek-aspek yang boleh kita lihat seperti mimik muka, gerak badan dan lain-lain lagi. Tambah beliau lagi, pertuturan boleh berlaku tanpa menghasilkan komunikasi misalnya, apabila tiada seorang pun terdengar percakapan kita tetapi biasanya pertuturan melibatkan si penutur dan si pendengar. Dalam kajian ini, pertuturan merupakan aktiviti bercakap dalam bahasa Melayu yang diujarkan oleh pelajar asing yang belajar di UPM.

### **Bahasa Melayu**

Menurut Abdullah Hasan (1997:199), bahasa Melayu ialah bahasa yang menjadi bahasa Malaysia selepas peristiwa 13 Mei 1969 untuk menghilangkan konotasi perkauman bahawa bahasa Melayu itu hanya kepunyaan orang Melayu. Hassan Ahmad (2008) pula, merumuskan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara Malaysia yang mempunyai banyak kelebihan, berbanding dengan bahasa Inggeris atau bahasa lain yang ada di negara ini untuk dimajukan sepenuhnya sebagai alat pembinaan negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa, etnik, bahasa, dan budaya. Namun, dalam kajian ini bahasa Melayu merujuk bahasa asing yang diajarkan kepada pelajar asing yang melanjutkan pengajian mereka di UPM.

### **Pelajar asing**

Pelajar asing merujuk kepada pelajar yang telah pun menguasai bahasa ibundanya, tahu satu bahasa lain (biasanya bahasa antarabangsa) dan ingin atau sedang belajar satu bahasa lain selain yang telah diketahuinya (Maimunah Haji Omar dan Norizah Ardi, 2003). Namun, dalam kajian ini pelajar asing merujuk kepada individu dari negara lain yang datang melanjutkan pengajian di UPM dan mengambil subjek BBM1401 sebagai bahasa asing.

## RUJUKAN

- Ab. Razak Ab. Karim Muhammad Saiful Haq Bin Hussin (2011). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu Pelajar di Islamic Santitham Foundation School (ISFS). *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 22, 2011.
- Abdullah Hassan (1996). *Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan (1997). *Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Esei-esei Lain*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ananda Kumar Palaniappan (2009). *Penyelidikan dan SPSS (PASW)*. Selangor: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Aini Aziz et al. (2005). *Kajian Tentang Persepsi Pelajar UiTM Terhadap Kepentingan Bahasa Ketiga*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Agus Suherman Suryadimulya (2008). *Analisis Teori Monitor dalam Akuisisi Bahasa Kedua*. t.t.
- Awang Sariyan (2002). Resolusi Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV dalam *Buku Prosiding Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azmy Mohamed (t.t). *UKM Dulu dan Kini*. Diakses pada 29 Mac 2014 dari laman web [http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=UKM35tahun&pg=ukm\\_02.htm](http://ww2.utusan.com.my/utusan/special.asp?pr=UKM35tahun&pg=ukm_02.htm)
- Barash, R.M. dan James, C.V. (1994). *Beyond the Monitor Model: Comments on Current Theory and Practice in Second Language Acquisition*. \_\_\_\_\_ : Heile & Heinle Publishers.
- BERNAMA (2014). *Bahasa Melayu diangkat Bahasa Kelima Terbesar di Dunia-Najib*. Diakses pada 30 Mei 2014 dari laman web <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/BahasaMelayudiangkatbahasake-limaterbesardidunia-Najib/Article>

- Chua Yan Piaw (2011). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1: Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Chua Yan Piaw (2012). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2: Asas Statistik Penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn.Bhd.
- Dian Indahadi (2007). *Teori Landasan Pengajaran Bahasa*. Tasikmalaya: Universitas Pendidikan Indonesia.
- Dulay dan Burt (1975). "A New approach to discovering universal strategies of child second language acquisition", *Development Psycholinguistics: Theory and Applications*. Washington: Georgetown University Press:209-233
- Fa'zah Abd.Manan etal. (2010). *Kerangka Pembangunan Dan Penilaian Modul Belajar Cara Belajar Bahasa Melayu Pelajar Asing Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*.t.t
- Ghazali Yusri et al. (2010). Sikap Pelajar Terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab Di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 10(3) 2010
- Hashnan Abdullah dan Nazmil Nasiruddin (2012). *PABAHASA MELAYU diperluas kepada pelajar asing*. Diakses pada 17/9/2013 dari laman web [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0306&pub=utusan\\_malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_09.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0306&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_09.htm)
- Hassan Ahmad (2008). Bahasa Melayu dan Pemerksaan Masyarakat Malaysia dalam Era Globalisasi dalam *Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu ke-4*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Muhamad etal. (2013). Sikap dan Realiti Penguasaan Kemahiran Bahasa Arab Pelajar Program j-QAF. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. Volume 13(2), May 2013
- Kementerian Dalam Negeri (2013). *Pengambilan Pelajar Antarabangsa oleh Institusi Pendidikan*. Diakses pada 20 Februari 2013 dari laman web <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/perkhidmatan-im-permohonan-kelulusan-kdn-bagi-pengambilan-pelajar-antarabangsa>

- Khairiah Ahmad (1989). Ke Arah Meningkatkan Mutu Pertuturan Guru-guru Bahasa Malaysia dalam Buku Mengajar Bahasa Malaysia Jilid 2: Latihan Guru dan Bahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kholid A. Harras dan Andika Dutha Bachari (2009). *Dasar-dasar Psikolinguistik*. Bandung: Universitas Pendidikan Indonesia Press.
- Maimunah Haji Omar dan Norizah Ardi (2003). Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing: Pengalaman Perancis dan Finland dalam Buku Pengajaran Bahasa Melayu untuk Penutur Asing. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marlyna Maros etal. (2012). Penerimaan Bahasa Inggeris di Luar Bandar di Malaysia: Pengaruh Faktor Persekitaran. *Singapore International Journal of Language and Literature*. Disember 2012.
- Marzalina Mansor (2004). *Stail Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing Dalam Kalangan Pelajar Luar Negara*. Tesis Master. Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Ziyad Mukhtar etal. (2012). *Penguasaan Asas Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar PPISMP GSTT- PAI: Satu Kajian Kes*. Diakses pada 22 Mei 2014 dari laman web [http://www.ipislam.edu.my/uploaded/PKPI2012/17%20KAJIAN%20KES%20BAH ASA%20ARAB%20GSTT%20PAIedit.pdf](http://www.ipislam.edu.my/uploaded/PKPI2012/17%20KAJIAN%20KES%20BAH%20ASA%20ARAB%20GSTT%20PAIedit.pdf)
- Mohamed Khaled Nordin (2010). *Bahasa Melayu Boleh Diantarabangsakan*. Diakses pada 17 September 2013 dari laman web <http://khalednordin.com/?p=571>
- Mohd Ayob Abd Razid (2010). *ISU BAHASA: Memartabatkan bahasa Melayu sebagai saluran penguasaan ilmu*. Diakses pada 29 Mac 2014 dari laman web <http://www.jasa.gov.my/index.php/media/koleksi-artikel/5-field-%09issues/412->
- Mohd. Majid Konting (2009). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhd Irfan (2012). *Membawa Bahasa Melayu Ke Peringkat Global*. Diakses pada 17 September 2013 dari laman web <http://malaysiaaktif.my/v2/index.php/News/State/Membawa-Bahasa-Melayu-Ke-Peringkat-Global.html> diakses pada 17/9/2013

- Natsue Hieda dan Maserah Shabudin (2012). Sikap Dan Persepsi Terhadap Pembelajaran Bahasa Jepun Di Kalangan Mahasiswa UKM. *Jurnal Linguistik*. Jilid 16, Disember 2012.
- Noor Aina Dani (2009). Pengantar Psikolinguistik. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Norizah Ardi dan Hasbi Yusoff (2005). *Bertutur dengan Fasih=Speak Malay Fluently*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin et al. (2007). *Bahasa Melayu Untuk Penutur Asing=Malay Language for Foreigners Peringkat Asas Buku 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Puteri Roslina Abdul Wahid et al. (2008). Bahasa dalam Komunikasi Antara Budaya: Akomodasi dalam Komunikasi Verbal Melayu-Cina. *Seminar Antarabangsa Linguistik & Pembudayaan Bahasa Melayu ke-4*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Raja Mukhtaruddin Raja Mohd. Dain (2002). Pelaksanaan Dasar Bahasa Kebangsaan: Satu Penilaian dalam Buku Prosiding Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu IV. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ridzuan Kamis (2012). *Bahasa Melayu: Cabaran dan Pengaruh Persekitaran*. Diakses pada 29 Mac 2014 dari laman web <http://dwnbahasa.dbp.my/?p=582> yang dipetik daripada Dewan Bahasa.
- Roslina Mamat et al. (2012). Celah dalam Perbualan Pemandu Pelancong Malaysia dan Pelancong Jepun. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. 849 Volume 12(3), Special Section, September 2012: 849-863. ISSN: 1675-8021
- Saini Ag. Damit dan Mohammad Seman (2011). Persepsi Pelajar Bukan Islam Terhadap Pembelajaran Bahasa Arab: Satu Kajian Di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. *Jurnal Bahasa Jendela Alam*. Jilid 6 (2011) : 864-879. ISSN: 1394-3936.
- SGBSELANGOR\_NAHAR (2012). *Pelajar Asing Wajib Lulus Bahasa Melayu Usaha Kerajaan Martabat Bahasa*. Diakses pada 17 September 2013 dari laman web <http://www.suaragenerasibaru.com/?p=48947>



Sidek Baba (2011). *Memartabat Bahasa Melayu di IPT*. Diakses pada 10-10-2013 dari laman web [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1101&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_07.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1101&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_07.htm)

Siti Hamin Stapa et al. (2013). Malaysia My Second Home: Isu Bahasa Dalam Kalangan Peserta Jepun. *GEMA Online<sup>TM</sup> Journal of Language Studies*. Volume 13 (1), Februari 2013. Hlm 185-200.

Siti Saniah (2013). *Kekangan Pelajar Asing Dalam Menggunakan Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu*. Vol. 3, Bil. 1 (Mei 2013): 52-62.

Suthanthiradevi J. N. J. Money (2004). *Bahasa Melayu Pertuturan Dalam Komunikasi Pelajar India*. Malaysia: Maktab Perguruan Teknik. <http://psasir.upm.edu.my/view/type/thesis.html/Browse-by-Type-PSAS-IR-Welcome-to-Universiti-Putra-Malaysia>

Tadkiroatun Musfiroh (2004). *Pemerolehan Bahasa Kedua (Kasus Berbahasa Jawa di TK)*. t.t.

Yong Chyn Chye et al. (2010). Strategi Pelajar Antarabangsa Belajar Bahasa Melayu Di Institusi Pengajian Tinggi. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSIBandung, Indonesia*, 8-10 November 2010

Yong Chyn Chye (2012). *Strategi Mahasiswa Antarabangsa dalam Penguasaan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Asing*. Tesis PhD. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Zaiton Md. Isa et al. (2006). *Persepsi Pelajar Terhadap Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Jepun dan Bahasa Korea di International Education Centre (INTEC)*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.